



BOT nelayan Vietnam yang dilucut hak atas kesalahan menceroboh dan menangkap ikan di perairan negara dilupuskan.

Kuala Terengganu: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melupuskan secara hancur musnah bot nelayan Vietnam yang dilucut hak atas kesalahan menceroboh dan menangkap ikan di perairan negara.

Timbalan Pengarah Operasi APMM Terengganu Komander Maritim Ariffin Ghazali berkata, kaedah hancur musnah itu dilaksanakan berikutan bot berkenaan tidak sesuai dijadikan tukun atau tiruan.

Menurutnya, bot dilupuskan itu sebelum ini ditahan

Bot nelayan Vietnam dilupus secara hancur musnah

METRO AHAD 2/10/22 M8:16

pada kedudukan 112 batu nautika dari Kuala Terengganu pada 17 Julai 2021 bersama dua kru kerana menceroboh perairan dan mencandat sotong tanpa kebenaran.

"Tindakan pelupusan diambil ke atas bot nelayan asing warga Vietnam yang menceroboh perairan negara mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985

21

Jumlah vesel dilupuskan untuk dijadikan tukun dan hancur musnah

kerana menangkap ikan tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Katanya, setakat tahun ini, 21 vesel dilupuskan dengan cara penenggelaman untuk dijadikan tukun dan hancur musnah.

"APMM sentiasa tegas dalam melaksanakan undang-undang di perairan Terengganu khususnya demi memastikan sumber perikanan negara dilindungi dan keadaulatan negara terpelihara," katanya.